

Rujukan : UKM. KPD. BPA. 600-6/2/2

Tarikh : 5 Mei 2020

Semua Pelajar Berdaftar
Semester 2 Sesi Akademik 2019-2020
Pusat Kembangan Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Saudara/i,

PENGESAHAN KURSUS SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2019-2020

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa peperiksaan akhir bagi Program Eksekutif (kecuali FTSM, FKAB dan FUJ) dan Berterusan Jarak Jauh (PBJJ) Semester 2 Sesi Akademik 2019-2020 akan diadakan pada **13 Julai hingga 9 Ogos 2020**. Untuk makluman saudara/i, **tiada peperiksaan berjadual akan dijalankan pada Semester 2 Sesi Akademik 2019-2020**. Kaedah pelaksanaan peperiksaan akhir akan dimaklumkan oleh pensyarah kursus masing-masing.

Sehubungan itu, saudara/i dikehendaki membuat pengesahan kursus Semester 2 Sesi Akademik 2019-2020 melalui SMPE mulai **27 Mei hingga 3 Jun 2020**. Dalam paparan di SMPE akan tersenarai kursus yang saudara/i daftar pada semester ini, saudara/i perlu **menekan butang SAH** jika semua kursus dipaparkan adalah betul. Semua pelajar perlu membuat pengesahan kursus ini untuk memastikan semua kursus yang saudara/i daftarkan telah tersenarai di dalam senarai pendaftaran kursus semasa. Saudara/i yang gagal membuat pengesahan kursus dalam tempoh masa yang ditetapkan **akan dikenakan denda sebanyak RM50.00**.

Sekiranya saudara/i gagal membuat pengesahan atau pembetulan terhadap maklumat tersebut, maka segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap.

Saudara/i dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan penilaian kursus yang didaftarkan pada semester ini berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.



PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4078/3376 Faks: +603-8925 1391 E-mel: upppkp@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pkp

Yang benar,



MAZUNA JAMALUDDIN

Penolong Pendaftar Kanan

Unit Peperiksaan dan Pengijazahan

- s.k. - Ketua Bahagian Pengurusan AKademik
- Penyelaras Program
- Unit Pengurusan Program dan Rekod Pelajar



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 01100

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4078/3376 Faks: +603-8925 1391 E-mel: upppkp@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pkp

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities



www.ukm.my